



**Syarat - syarat penyertaan
Sesi Saringan (Pitching)
Perolehan Program Swasta
2020**

- Cadangan tajuk kertas cadangan (*proposal*) yang hendak didaftarkan **MESTILAH YANG MASIH BELUM DITERBITKAN DENGAN MANA-MANA PIHAK ATAU STESEN TV (TERMASUK STESEN RTM)**. RTM tidak bertanggungjawab dan berhak untuk membatalkan kontrak sekiranya berlaku pertikaian atas kertas cadangan (*proposal*) yang telah dipilih kelak.
- Setiap pembekal hanya dibenarkan untuk mendaftar :
 - i) **3(TIGA) tajuk kertas cadangan (*proposal*) bagi PELBAGAI KATEGORI PROGRAM TV** yang diiklankan bagi **NEED STATEMENT PITCHING PEROLEHAN 2020 (UMUM)** dan
 - ii) **2(DUA) tajuk kertas cadangan (*proposal*) bagi PELBAGAI KATEGORI PROGRAM TV** yang diiklankan bagi **NEED STATEMENT PITCHING PEROLEHAN 2020 (KHAS)**
- Tarikh Pendaftaran kertas cadangan (*proposal*) untuk sesi *pitching* akan diadakan pada **25 hingga 27 Februari 2019 bertempat di Lobi Wisma Berita, Angkasapuri, Kuala Lumpur**, bermula pada pukul **9.00 pagi hingga 12.30 tengah hari (sesi pagi) dan 2.30 hingga 4.00 petang (sesi petang)**.
- Satu sesi **TAKLIMAT** bersama semua pembekal akan diadakan pada **19 Februari 2019 (Selasa) bertempat di Auditorium Perdana, Wisma Radio, Angkasapuri** bermula pada pukul **9.30 pagi**. Kehadiran semua pembekal **DIWAJIBKAN** sebelum sesi pendaftaran diadakan.

- Proses pendaftaran tajuk kertas cadangan (*proposal*) untuk sesi *pitching* hanya dibenarkan pada tarikh pendaftaran yang telah ditetapkan oleh pihak urus setia. Pihak pembekal perlu membawa ***proposal* lengkap (1 salinan)**, yang perlu diserahkan kepada Urus Setia pada hari pendaftaran tersebut. Sebarang permohonan selain daripada tarikh pendaftaran yang telah ditetapkan **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- Pembekal **HANYA DIBENARKAN** *pitching* tajuk kertas cadangan (*proposal*) yang telah **DIDAFTARKAN** dan **DIPILIH** pada hari pendaftaran *pitching*.
- Tempoh masa *pitching* hanya diberikan selama **10 MINIT** bagi setiap satu tajuk kertas cadangan (*proposal*) kepada setiap pembekal.
- Pembekal digalakkan menyediakan **AUDIO VISUAL PRESENTATION** berdurasi **TIDAK MELEBIHI 5(LIMA) MINIT**, samada dalam konsep **PHOTO STORY** atau **MOVIE MAKER (ALA TRAILER)**, pada sesi pembentangan *pitching* diadakan. **AUDIO VISUAL PRESENTATION** mestilah menggunakan **FORMAT VIDEO MP4 (MPEG)** serta dibekalkan dalam **MEDIUM DVD** dan **TIDAK DIPULANGKAN** bagi tujuan rujukan kepada pihak jawatan kuasa penilaian. Penyediaan komputer riba sendiri amat dialu-alukan untuk melancarkan sesi saringan(*pitching*).
- Pembekal **PERLU** mematuhi jadual *pitching* yang telah diberikan pada hari pendaftaran *pitching*. Permohonan pertukaran jadual sesi *pitching* yang telah didaftarkan **TIDAK AKAN DILAYAN**.
- **RTM TIDAK BERTANGUNGJAWAB** atas **KEGAGALAN** kehadiran atau mematuhi jadual sesi *pitching* tajuk proposal sebagaimana yang telah didaftarkan oleh pihak pembekal. Pihak RTM berhak **MEMBATALKAN** sesi *pitching* sekiranya pembekal **GAGAL** hadir pada masa yang telah didaftarkan.

- Pembekal hanya dibenarkan membawa masuk **TIDAK LEBIH 3** orang ke dalam dewan atau bilik *pitching* semasa proses *pitching* dijalankan.
- Pembekal **TIDAK DIBENARKAN** membawa sebarang bentuk elemen bersifat cenderahati untuk diberikan kepada urus setia dan panel *pitching*.
- Pembekal **DILARANG MEMBERIKAN KAD NAMA ATAU KAD PERNIAGAAN** kepada urus setia dan panel *pitching* semasa menghadiri sesi *pitching*.
- Pembekal **DILARANG MEMBAWA SEBARANG SURAT SOKONGAN DARIPADA MANA-MANA PIHAK UNTUK DIEDARKAN KEPADA PANEL *PITCHING*** semasa menghadiri sesi *pitching*.
- Pembekal **TIDAK DIBENARKAN** meminta panel bertanyakan soalan atau meminta pandangan panel pada kertas cadangan yang dibentangkan.
- Pembekal **TIDAK DIBENARKAN MERAKAMKAN SEBARANG BENTUK FOTO (GAMBAR) ATAU VIDEO** semasa sesi *pitching* berlangsung di dalam bilik atau dewan *pitching*. Kegagalan mematuhi perkara ini membolehkan sesi *pitching* tersebut **DIBATALKAN**.
- Hanya kertas cadangan (*proposal*) yang **LULUS UNTUK DITERBITKAN** sahaja akan diberitahu keputusannya kepada pembekal. Pembekal yang **TIDAK** menerima sebarang keputusan dalam tempoh selepas **6(ENAM) BULAN** daripada tarikh sesi *pitching* diadakan dianggap **TIDAK BERJAYA** dan **TIADA SEBARANG SURAT PEMBERITAHUAN** akan diberikan kepada pembekal.



**Syarat - syarat
Pada Hari Pendaftaran
Sesi Saringan (Pitching)**

- Setiap pembekal hanya dibenarkan untuk mendaftar :
 - i) **3(TIGA) tajuk kertas cadangan (*proposal*)** bagi **PELBAGAI KATEGORI PROGRAM TV** yang diiklankan bagi **NEED STATEMENT PITCHING PEROLEHAN 2020 (UMUM)** dan
 - ii) **2(DUA) tajuk kertas cadangan (*proposal*)** bagi **PELBAGAI KATEGORI PROGRAM TV** yang diiklankan bagi **NEED STATEMENT PITCHING PEROLEHAN 2020 (KHAS)**
- Pembekal perlu membawa **CAP SYARIKAT YANG BERALAMAT PENUH** ketika hadir mendaftarkan tajuk kertas cadangan (*proposal*). Pihak **RTM TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** terhadap kegagalan pihak pembekal mengemas kini alamat dan nombor telefon semasa proses pendaftaran *pitching*.
- Hanya pembekal yang berdaftar dan memiliki **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KKMM** dan **SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT KEMENTERIAN KEWANGAN** yang masih **SAH TEMPOH LAKUNYA UNTUK TEMPOH 01 MEI 2019 DAN KE ATAS** sahaja **DIBENARKAN** mendaftar untuk menyertai sesi *pitching*.
- Pembekal **DIWAJIBKAN** membawa **DOKUMEN ASAL SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN KKMM** dan **SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN** ketika mendaftarkan tajuk pada hari pendaftaran sesi *pitching*. **KEGAGALAN** mengemukakan dokumen tersebut akan menyebabkan pembekal **TIDAK DIBENARKAN** mendaftarkan tajuk kertas cadangan (*proposal*).

- Pembekal **PERLU** menyediakan **2 (DUA) DOKUMEN** secara berasingan seperti berikut :

1. **1(SATU) SALINAN KERTAS CADANGAN (PROPOSAL)** lengkap dengan kandungan bagi setiap satu tajuk berdasarkan kategori yang hendak didaftarkan seperti berikut :-

KATEGORI DRAMA & TELEMEDIE :

- Muka surat Depan (perlu ada Nama Pembekal,Kategori & Bil Episod, Kod dan tema Program (sebagaimana diiklankan) & Tajuk *Proposal*)
- *Logline* Cerita
- Sinopsis ringkas cerita (dalam satu muka surat) dan *genre* cerita.

KATEGORI MAJALAH, TRAVELOG, REALITI, CANDAWARA (GAMESHOW), BUAL BICARA & MUZIKAL :

- Muka surat Depan (perlu ada Nama Pembekal,Kategori & Bil Episod, Kod dan tema Program (sebagaimana diiklankan) & Tajuk *Proposal*).
- Sinopsis ringkas *treatment* (dalam satu muka surat) yang mengandungi cadangan segmen, konsep program (*indoor - studio based* atau *outdoor based*) dan cadangan *running order* program.

KATEGORI DOKUMENTARI:

- Muka surat Depan (perlu ada Nama Pembekal,Kategori & Bil Episod, Kod dan tema Program (sebagaimana diiklankan) & Tajuk *Proposal*).
- Sinopsis ringkas *treatment* (dalam satu muka surat) yang mengandungi cadangan konsep penceritaan (suara latar atau travelog atau *character driven* story dan sebagainya) dan cadangan *running order* atau *storyline* program.

2. **1(SATU) SALINAN PROFIL SYARIKAT** yang mengandungi maklumat sebagaimana contoh seperti berikut :

- **Muka Hadapan** – Maklumat Syarikat ;

MAKLUMAT SYARIKAT		
1.	Nama Syarikat / Pembekal	ABC SDN. BHD
2.	Nama Pemilik Syarikat	1. Abu Bin Ali Pengarah Eksekutif 2. Razali Bin Awang Pengarah Urusan
3.	Status Syarikat (Bukan Bumiputera @ Bumiputera	Bumiputera
2.	Alamat Terkini	No. 2, JALAN SERINDIT TAMAN MELATI, 53000 KUALA LUMPUR
3.	No. Tel. Pejabat	03-22887000
4.	No. Faks Pejabat	03-22887001
5.	No. Telefon Mudah Alih	i) 013 -22222222 (ALI B. ABU) ii) 016 -22233333 (AHMAD ABU)
6.	E-mel Syarikat / Pembekal	abc@hotmail.com.my

- **Muka Surat 2** – Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat BUMIPUTERA (sekiranya ada) – yang masih sah tempoh lakunya.
- **Muka Surat 3** – Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Komunikasi & Multimedia Malaysia (KKMM) – yang masih sah tempoh lakunya.
- **Muka surat 4** – Sejarah Pembekalan program TV di RTM untuk 2(DUA) tahun yang terakhir seperti contoh dibawah:

Sejarah Pembekalan Program TV Tempatan(Swasta) di RTM			
Bil.	Tajuk & Kategori Program	Tahun Ditawarkan Kontrak Pembekalan	Status Terkini Program
1.	Rekah – Telemovie (1 x 120 minit)	2016	Selesai pembayaran
2.	Penyabung – Drama (13 ep. X 60 minit)	2016	Fasa penilaian kandungan DVD
3.	X-plorasi – Travelog (13 ep. x 30 minit)	2017	Fasa penggambaran di lokasi.
4.	Cumi & Ciki – Animasi (13 ep. 30 minit)	2017	Fasa penilaian teknikal untuk 6 episod dan penilain DVD untuk 7 episod.

- **KEGAGALAN** menyediakan **2 (DUA)** dokumen yang dinyatakan iaitu , **KERTAS CADANGAN (PROPOSAL)** dan **PROFIL SYARIKAT** ketika hadir sesi pendaftaran *pitching* akan menyebabkan pembekal **TIDAK DIBENARKAN** membuat pendaftaran.
- Pihak RTM berhak **MENOLAK PENDAFTARAN KERTAS CADANGAN** dan **TIDAK MEMBENARKAN** sesi pitching dijalankan sekiranya terdapat maklumat yang **TIDAK BENAR** diberikan dalam dokumen **PROFIL SYARIKAT**.
- Dokumen **WAJIB** dibawa ketika hadir sesi *pitching* :
 - i) Sila kemukakan jadual yang akan diedarkan pada hari pendaftaran *pitching* (rujuk jadual di bawah)

Nama Pembekal	Status Syarikat	No. Pendaftaran KKMM	Tempoh Sah Laku	No. Pendaftaran Kewangan	Tempoh Sah Laku	Tajuk Kertas Cadangan	Sinopsis
	Bumiputera / Bukan Bumiputera		Pastikan sijil pendaftaran KKMM masih sah laku ketika pendaftaran dan sesi <i>pitching</i>		Pastikan sijil pendaftaran kewangan masih sah laku ketika pendaftaran dan sesi <i>pitching</i>		Sinopsis tidak melebihi 250 aksara (30-35 patah perkataan)

Nota : Jadual di atas perlu diserahkan dalam bentuk *softcopy* (DVD / Pen Drive) dan juga salinan *hardcopy*. Format perlu dibuat dalam Microsoft Word dan diserahkan kepada urus setia pada hari sesi saringan (*pitching*).

- ii) **3 (tiga)** salinan kertas cadangan **termasuk salinan yang telah didaftarkan** serta dicap tarikh, masa dan tempat sesi *pitching*.

Pembekal **TIDAK DIBENARKAN** membuat pembentangan *pitching* sekiranya gagal mengemukakan dokumen yang dinyatakan.

Tatacara Pendaftaran Tajuk Proposal 'Pitching'

BIL	TUGASAN	ZON
1.	<p>Pembekal PERLU ke KAUNTER ZON 1 untuk membuat Pendaftaran Tajuk <i>Proposal Pitching</i> dan akan diberikan Nombor Giliran untuk membuat pendaftaran tajuk proposal tersebut mengikut kategori program.</p> <p>Di KAUNTER ZON 1 dokumen berikut perlu dibawa:</p> <p>a) Semakan Dokumen :</p> <ul style="list-style-type: none">• SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (PERLU sah tempoh lakunya)• SIJIL ASAL PENDAFTARAN SYARIKAT DARIPADA KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF) - (PERLU sah tempoh lakunya)• PROFIL SYARIKAT yang lengkap sebagaimana yang disyaratkan dalam iklan keperluan pernyataan (<i>need statement</i>) program TV bagi perolehan tempatan (swasta) 2018 – Profil syarikat ini PERLU DISERAHKAN KEPADA URUS SETIA .• Kertas cadangan atau <i>proposal</i> (hanya satu salinan bagi setiap tajuk) yang dicadangkan untuk didaftarkan – urus setia akan membuat pendaftaran awal untuk tujuan dokumentasi. <p>- Nombor giliran hanya akan dikeluarkan setelah kesemua dokumen di atas dipenuhi.</p>	<p>KAUNTER ZON 1</p> <p>KAUNTER ZON 1</p>
2.	<p>Setelah mendapat nombor giliran tunggu nombor giliran dipanggil di KAUNTER ZON 2 (SARINGAN AKHIR PROPOSAL <i>PITCHING</i>) :</p> <ul style="list-style-type: none">• Urus setia akan memastikan pembekal mematuhi syarat jumlah tajuk <i>proposal</i> yang boleh didaftarkan.• CAP JADUAL KEHADIRAN <i>PITCHING</i> pada setiap <i>proposal</i> yang akan didaftarkan – hanya 1(satu) <i>proposal</i> bagi setiap tajuk diperlukan untuk tujuan pendaftaran <i>pitching</i>.	<p>ZON 2</p>

3.	<p>Setelah dicap jadual kehadiran <i>pitching</i> pada kertas cadangan atau <i>proposal</i>, terus ke ZON 3 untuk mendaftarkan kertas cadangan mengikut kategori yang telah ditetapkan :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gunakan Cap syarikat yang mempunyai NAMA SYARIKAT, ALAMAT PENUH, NOMBOR TELEFON pada ruang yang telah ditetapkan dalam borang jadual <i>pitching</i> yang telah disediakan urus setia. Tajuk <i>proposal</i> perlu diisikan dalam borang jadual sama sebagaimana tajuk yang digunakan dalam <i>proposal</i> dan kemudian tandatangan pada ruang yang disediakan. • Pembekal perlu memastikan nama syarikat, tajuk <i>proposal</i>, masa, tempat dan tarikh <i>pitching</i> yang didaftar dalam borang daftar jadual <i>pitching</i> sama dengan yang didaftarkan pada <i>proposal</i> yang dibawa . • <i>Proposal</i> yang telah didaftarkan TARIKH, MASA DAN TEMPAT <i>PITCHING</i> PERLU DIBAWA PULANG DAN DISIMPAN OLEH PEMBEKAL. Bawa <i>proposal</i> yang telah dicap TARIKH, MASA DAN TEMPAT <i>PITCHING</i> bersama 3(TIGA) SALINANNYA pada hari <i>pitching</i> yang telah ditetapkan. 	ZON 3
----	--	-------

WAKTU PENDAFTARAN TAJUK PROPOSAL *PITCHING* ADALAH SEPERTI BERIKUT :

Sesi Pagi : 9.00 pagi hingga 12.30 tengahari

Sesi Petang : 2.30 hingga 4.00 petang